



SIARAN MEDIA

OPS BANGKIT: TAHAP KEBERSIHAN HARI KEBANGSAAN 2026 BERADA PADA TAHAP TERBAIK, TERIMA KASIH RAKYAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 5 September 2026 — Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah mempergiat pelaksanaan Ops Bangkit bagi memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan kebersihan di lokasi tumpuan awam sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2026.

Operasi bersepadu yang dilaksanakan selama lapan (8) hari bermula 24 hingga 31 Ogos 2026 merupakan sebahagian daripada langkah proaktif KPKT untuk memastikan kebersihan kawasan awam sentiasa terpelihara, di samping meningkatkan tahap pematuhan dan kesedaran masyarakat agar tidak melakukan kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam. Pemantauan turut dipertingkat pada malam 30 Ogos 2026 bersempena Sambutan Ambang Hari Kebangsaan.

Sepanjang tempoh operasi, seramai 234 anggota penguat kuasa SWCorp telah digerakkan bagi melaksanakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di 56 lokasi melibatkan tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672].

Sehingga **31 Ogos 2026, sebanyak 191 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK)** telah dikeluarkan terhadap individu yang dikesan melakukan kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, “Penguatkuasaan ini bukan semata-mata untuk menghukum, tetapi untuk mendidik dan membentuk sikap masyarakat agar lebih bertanggungjawab. Kebersihan negara bermula daripada disiplin setiap individu. Jangan jadikan membuang sampah sesuka hati sebagai satu kebiasaan kerana menjaga kebersihan ruang awam adalah tanggungjawab kita bersama.”

KPKT tidak akan berkompromi terhadap perbuatan membuang sampah sesuka hati. Tindakan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan secara tegas, konsisten dan berterusan bagi meningkatkan pematuhan terhadap perundangan, di samping membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran.

Pengeluaran NPK di bawah Seksyen 77A Akta 672 bukan sekadar suatu peringatan, sebaliknya merupakan permulaan kepada proses tindakan undang-undang terhadap individu yang melakukan kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam. Setiap kes akan disiasat oleh SWCorp sebelum kertas siasatan lengkap dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi mendapatkan izin pendakwaan.

Sekiranya disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda sehingga RM2,000 dan sebagai hukuman tambahan, diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) sehingga 12 jam di bawah Seksyen 77B Akta yang sama. Penentuan kadar denda dan pelaksanaan PKM adalah tertakluk sepenuhnya kepada pertimbangan mahkamah berdasarkan fakta serta keadaan setiap kes.

Pelaksanaan PKM bukan semata-mata suatu bentuk hukuman, malah merupakan pendekatan korektif dan mendidik bagi memberi kesedaran secara langsung kepada pesalah mengenai kesan perbuatan mereka terhadap kebersihan persekitaran, di samping membentuk rasa tanggungjawab dan mencegah pengulangan kesalahan.

Usaha berterusan KPKT melalui SWCorp turut menunjukkan **impak positif sepanjang Sambutan Ambang Hari Kebangsaan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2026**. Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan, **tahap kebersihan di lokasi sambutan didapati berada pada tahap yang baik**, sekali gus mencerminkan peningkatan kesedaran serta kerjasama orang ramai dalam menjaga kebersihan ruang awam.

Tahap kebersihan di Putrajaya turut mendapat pengiktirafan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), sekali gus menunjukkan keberkesanan pendekatan bersepadu yang merangkumi aspek pemantauan, penguatkuasaan, hebahan kesedaran serta kerjasama strategik pelbagai pihak.

Sehubungan dengan itu, KPKT ingin **merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia** yang telah bersama-sama menjaga kebersihan dan menunjukkan sikap bertanggungjawab sempena Sambutan Kemerdekaan ini.

KPKT melalui SWCorp akan terus memperkukuh penguatkuasaan serta program pendidikan dan kesedaran sebagai sebahagian daripada usaha jangka panjang untuk meningkatkan tahap disiplin dan membudayakan amalan menjaga kebersihan dalam kalangan masyarakat.

Semangat kemerdekaan bukan sahaja dizahirkan melalui kibaran Jalur Gemilang, tetapi turut diterjemahkan melalui sikap bertanggungjawab, berdisiplin dan menghargai kebersihan ruang awam. Persekitaran yang bersih mencerminkan nilai masyarakat, tahap disiplin serta imej sesebuah negara.

KPKT menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya menjadikan amalan menjaga kebersihan sebagai sebahagian daripada budaya dan identiti nasional. Tanggungjawab memastikan negara kekal bersih tidak terletak pada bahu pihak berkuasa atau pekerja pembersihan semata-mata, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama seluruh masyarakat dalam merealisasikan Malaysia yang bersih, indah dan sejahtera.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :
Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my